



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JMG512 – Analisis Bandar dan Wilayah**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada **ENAM (6)** soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Analisiskan peranan penduduk sebagai elemen asas dalam perancangan sesebuah bandar dan wilayah.  
(25 markah)
2. Bincangkan kelebihan dan kekangan penggunaan Analisis SWOT ketika menilai elemen-elemen dan kesan perancangan sesebuah bandar dalam era digital masa kini.  
(25 markah)
3. Dengan menggunakan contoh agensi-agensi pembangunan wilayah yang sesuai, analisiskan keberkesanan strategi-strategi pembangunan wilayah yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan antara wilayah di Malaysia.  
(25 markah)
4. Mengaplikasikan Sistem Maklumat Geografi dalam menganalisis perubahan terhadap ruang bandar dan wilayah adalah suatu tindakan yang tepat. Bincangkan.  
( 25 markah)
5. Sejauh manakah analisis Kefungsian Petempatan Pusat (indeks kepusatan) dapat berperanan sebagai asas bagi merancang kawasan bandar dan wilayah di Malaysia pada masa kini?  
(25 markah)
6. Analisiskan pengaruh pengangkutan dalam pembentukan dan pembangunan seluruh Konurbasi Lembah Klang-Langat (*Greater Kuala Lumpur*) menjelang Rancangan Malaysia ke-12.  
(25 markah)